

# Dr. M: Tindakan bersama diutamakan

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Dari AZIZ HASSAN

BANGKOK, Rabu — Malaysia akan terus memberi keutamaan kepada tindakan bersama menentang pengganas komunis di sempadan Malaysia-Thai, dalam konteks Jawatankuasa Bersama Sempadan.

Negara kita juga, menerusi tindakan bersama, akan tetap berusaha meningkatkan taraf sosial dan ekonomi penduduk di sepanjang sempadan itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika berucap di majlis makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Thai, Jeneral Prem Tinsulanonda malam ini, mengulangi bahawa dasar luar Malaysia terhadap negeri Thai tidak akan berubah.

Malaysia tetap bersama negara itu dalam menghadapi isu-isu berkaitan dengan Kam-puchea.

Dalam konteks ini, Malaysia juga memberi jaminan akan bekerjasama rapat dengan Thai untuk memelihara keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, Malaysia dan Thailand telah membuktikan bahawa kerjasama serta hormat menghormati perlu untuk mencapai kestabilan dan kemakmuran.

"Ini ternyata dari beberapa perjanjian bersama oleh kedua negara. Selain Jawatankuasa Bersama Sempadan, Memorandum Persefahaman untuk penubuhan Lembaga Bersama Mengeksploitasi Dataran Laut Teluk Thailand merupakan satu bukti unik bagaimana masalah di antara negara-negara boleh diselesaikan," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, kedua-dua negara berpegang teguh kepada prinsip bahawa rakyat harus terus tinggal dalam keadaan aman dan stabil.

Beliau mengingatkan, dunia sedang menghadapi pergolakan. Katanya, Malaysia dan negeri Thai bukan sahaja berhadapan dengan kemelesetan ekonomi dunia tetapi juga dugaan-dugaan terhadap keamanan dan kestabilan di rantau ini.